



جِبَاتُ خَالِ الْإِخْوَانِ كَامِلٌ سَلَامٌ كِتَابَةٌ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

23 MUHARRAM 1442H/ 11 SEPTEMBER 2020

### RAI PERSAMAAN, HORMATI PERBEZAAN JANA PERPADUAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada khatib:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَلِمُكُمْ إِنَّ اللَّهَ

عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(al-Hujurat, ayat 13)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِقَوِي اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Sesungguhnya sifat takwa adalah bekal paling bernilai menuju kampung akhirat. Dsebabkan itu, kita dituntut supaya sentiasa berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dalam erti kata melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya supaya terselamat pada hari Kiamat yang mengandungi peristiwa-peristiwa yang sangat mengerikan. Allah SWT menegaskan melalui firman-Nya dalam surah al-Hajj, ayat 1 yang bermaksud: *“Wahai umat manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari Kiamat itu suatu perkara yang amat besar.”*

### **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Al-Quran menjelaskan bahawa kemuliaan seseorang individu atau kelompok tertentu tidak terletak pada susur galur keturunan mahupun bangsanya. Neraca kemuliaan manusia terletak pada tingkat ketakwaannya kepada Allah SWT. Manakala melalui penciptaan umat manusia yang berbilang kaum dan suku puak, Allah SWT menuntut kita semua selaku hamba-Nya supaya melihat kepelbagaian perbezaan yang ada sebagai wasilah untuk menjalinkan hubungan, perkenalan dan ramah mesra antara satu sama lain, dan bukannya untuk bersengketa dan bermusuhan-musuhan.

Firman Allah dalam surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Dengan kata lain, tanpa mengira suku kaum, keturunan dan latarbelakang sosial masing-masing, manusia sewajarnya menerima hakikat keadaan mereka sebagai satu rahmat dan bukannya mudarat. Maka, segala perbezaan yang ada perlu dihormati agar ia menjadi titik untuk menyubur semangat persaudaraan bagi menjana perpaduan demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: “Jemaah itu membawa rahmat dan perpecahan itu membawa azab.” (HR Ahmad)

Seiringan itu, kita hendaklah berusaha sedaya upaya mencari titik persamaan dan menjauhi titik perbezaan serta perselisihan. Semua pihak perlu mengurangkan perbezaan idealisme masing-masing dalam mencari titik persamaan. Perbezaan idealisme tidak boleh mengatasi tuntutan memperkukuh ukhuwah dan perpaduan ummah. Demikian juga, perbezaan pendapat tidak seharusnya berlanjutan menjadi perbezaan isi hati hatta mengugat persaudaraan dan perpaduan umat Islam.

### **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Walaupun perpaduan ummah tidak dapat ditegakkan sepenuhnya disebabkan halangan yang tidak dapat dielakkan, namun setiap dari kita harus menyedari bahawa perpecahan dan permusuhan merupakan perkara yang ditegah dalam Islam. Allah SWT telahpun memberi peringatan tentang bahaya perselisihan faham dan perpecahan ini menerusi firman-Nya dalam surah al Anfal, ayat 46 yang bermaksud: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”

Selaras dengan perintah Allah tersebut, maka janganlah kita bertelagah sesama kita kerana

perpecahan amat merugikan umat Islam dan Negara kita. Marilah sama-sama pertahan perpaduan yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW selama ini dengan **memperkukuhkan ukhuwah dan perpaduan Islam di samping memperbaiki kelemahan di antara satu sama lain. Ini adalah kunci kekuatan Islam, seterusnya menjadi asas kelangsungan Negara Malaysia yang penduduk majoritinya beragama Islam.**

### **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Kesimpulannya saudara-saudara sekalian, para pemimpin Islam di semua peringkat perlu bersatu, memimpin masyarakat Islam dan Bumiputera ke arah penyatuan ummah. Segala sengketa dan perselisihan yang berlaku perlu diketepikan, seterusnya serius duduk merancang dan memikirkan agenda umat secara bersama. Inilah fikrah merealisasikan merai persamaan dan menghormati perbezaan dalam kerangka menjana kemajuan dan perpaduan ummah di negara ini. Firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ

Maksudnya: "Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran, disertai kemudahan." (S. al-Insyirah: 5-6).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi.  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522127 @ 088-522142